

# MyCC siasat tender 10 projek kerajaan

Komplot bidaan punca ketirisan dana awam babitkan pakatan licik syarikat pembekal

Oleh Mohd Azis Ngah dan Amin Ridzuan Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit, kini dalam siasatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana syarikat kontraktor yang memenangi tender itu, disyaki berkomplot dalam bidaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai taktik kontraktor dan pembekal, yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak itu menjadi lebih tinggi.

Dalam kes pertama diambil tindakan MyCC pada Mac lalu, lapan syarikat teknologi maklumat (IT) dikenakan penalti RM1.92 juta kerana terbabit dengan komplot bidaan terhadap beberapa tender yang ditawarkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata

## Eksklusif

10 projek yang disiasat mengikut Akta Persaingan 2010 itu ditawarkan kerajaan sejak 2014 sehingga tahun ini dengan setiap satu daripadanya bernilai jutaan ringgit, tetapi enggan memberi perincian mengenainya.

Beliau berkata, siasatan terhadap komplot bidaan terbabit terpaksa mengambil masa yang panjang kerana helah digunakan semua syarikat terbabit sukar dibuktikan.

"MyCC perlu mengumpul bukti substantif sebelum membuat keputusan cadangan seperti denda ditetapkan mengikut kadar keuntungan diraih syarikat terbabit ketika kesalahan dilakukan.

"Macam kes tender ASWARA yang sudah selesai itu, siasatan kami ambil masa lebih dua tahun. Siasatannya rumit kerana kami perlu buktikan mereka bersekongkol," katanya kepada BH di sini.

Iskandar berkata, kerajaan mengalami kerugian dalam kes komplot bidaan itu kerana perlu membayar pada harga lebih tinggi dan mahal berbanding kos separutnya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan jumlah kerugian ditanggung kerajaan.

Katanya, komplot itu sukar dibuktikan kerana pakatan licik se-

mua syarikat yang terbabit, mempunyai kaitan di antara satu sama lain serta memiliki banyak syarikat untuk mengemukakan tender.

"Contohnya, jika kerajaan mengeluarkan tender air mineral bernilai RM5 juta yang ditetapkan berdasarkan tinjauan pasaran, akan ada 10 syarikat masuk (tender).

"Daripada senarai itu, harga yang paling rendah ditawarkan adalah RM6 juta dan paling tinggi RM10 juta. Kami siasat kenapa tawarkan harga terlalu tinggi. Kita dapat, 10 syarikat itu berpakat meletakkan harga RM6 hingga RM10 juta.

"Sesiapa yang menang tender akan berkongsi keuntungan. Biasanya mereka letak lebih RM1 juta (daripada harga sepatutnya) untuk diagihkan kepada sembilan lagi.

"Ada juga yang beli kertas tender untuk 10 syarikat, ada kes bayar cek permohonan (bagi 10 syarikat berbeza), tetapi daripada bank sama, akaun sama dan nombor siri cek yang berturut-turut.

"Malah, untuk kes lawatan ke tapak projek, cuma dua orang yang datang, sedangkan ada 10 syarikat memasuki tender.

"Setiap individu itu mendakwa mewakili empat ke lima syarikat terbabit," katanya ketika mengulas antara modus operandi digunakan syarikat berkenaan.

Iskandar berkata, lebih teruk lagi siasatan MyCC mendapat, ada beberapa syarikat berbeza turut berkongsi alamat pejabat yang sama, sekali gus membuktikan

## Modus operandi komplot bida tender kerajaan

- 1 Kerajaan buka tender bekalan/projek
- 2 Kontraktor/pembekal beli dokumen tender (seorang beli 10 dokumen)
- 3 Tinjauan tapak projek / penilaian bekalan (seorang kontraktor mewakili 4-5 syarikat/ pembekal)
- 4 Masuk tender - secara pakatan (Harga berbeza kerana sudah ditetapkan awal dan nilai kontrak dinaikkan sehingga 30 peratus)
- 5 Proses penilaian/kelulusan tender (kerajaan akan pilih tawaran paling rendah dan pembekal ada rekod baik)
- 6 Keputusan tender dikeluarkan. Kontraktor / pembekal mulakan projek dan mula buat tuntutan mengikut peratusan siap projek)
- 7 Keuntungan diagihkan kepada syarikat pakatan yang masuk tender
- 8 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan mula siasat jika terima aduan.
- 9 MyCC siasat semua senarai syarikat yang masuk tender
- 10 Jika didapati wujud unsur tipu bida, MyCC akan keluarkan cadangan keputusan (denda berdasarkan jumlah keuntungan)

Grafik BH

mereka adalah milik individu atau kumpulan yang sama.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kumpulan pakatan itu biasanya akan meletakkan harga lebih mahal, antara 20 hingga 30 peratus daripada harga tender ditawarkan.

Katanya, siasatan MyCC akan bermula di mana tender dikeluaran dan ia lebih menjurus untuk mengesan wujud atau tidak sebarang elemen komplot bidaan.

"Apabila sudah dapat maklumat dan mengesan elemen berkenaan,

baru MyCC memulakan siasatan secara berfokus dalam skop lebih kecil.

"Agensi kerajaan mengeluarkan tender mengikut harga pasaran, tetapi mereka (kontraktor) yang cuba menentukan harga lebih mahal. Perkara ini perlu dikawal," katanya.

**Ikuti soal jawab penuh bersama Ketua Pegawai Eksekutif MyCC. Muka 12**